

K • A • P • S • U • L

ADVOKASI  
PENGUNA

BANTU RINGAN KOS  
SARA HIDUP RAKYAT  
DITAMBAH BAIK DALAM  
RMK12

M/s: 2

# PENGUNA



EDISI 2 SEPTEMBER & OKTOBER 2021 | DITERBITKAN 30 OKTOBER 2021 | [HTTPS://WWW.FLIPBOOKPDF.NET/WEB/SITE](https://www.flipbookpdf.net/web/site)

Towards Digitalised Franchising



Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Ke-28

## FRANCAIS ANTARABANGSA MALAYSIA 2021

9 - 16 OKTOBER 2021 | 9 PAGI - 6 PTG *Digital*

### MAJLIS PERASMIAN FRANCAIS ANTARABANGSA MALAYSIA 2021 (FIM2021)

DIRASMIKAN OLEH:

**YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI  
BIN YAAKOB**

PERDANA MENTERI MALAYSIA

**14 OKTOBER 2021  
11 PAGI**

SAKSIKAN SECARA LANGSUNG  
DI PORTAL DIGITAL FIM2021

Daftar di sini: [www.myfim.my](http://www.myfim.my)



Rakan Media:



Rakan Platinum:



Rakan Emas:



Diiktiraf oleh:



Disokong oleh:

**M/S 3:**

**HARGA BARANG  
ISU SEPANJANG ZAMAN**

**M/S 7:**

**PRODUK HOUSEBRAND:  
PILIHAN UNTUK BERJIMAT**

**M/S 9:**

**KPDNHEP RAMPAS 3,700 LITER  
MINYAK MASAK SUBSIDI**



28th International Franchise Exhibition and Conference

**FRANCHISE**

[www.myfim.my](http://www.myfim.my)

Register Now!





## BANTU RINGAN KOS SARA HIDUP RAKYAT DITAMBAH BAIK DALAM RMK12

**PUTRAJAYA**, – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyambut baik pembentangan Dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob di Parlimen pada 27hb September, 2021.

Sehubungan dengan itu, KPDNHEP komited untuk bersama Kerajaan dalam merancakkan lagi sektor perkhidmatan berkaitan perdagangan pengedaran. Sektor perdagangan pengedaran yang merangkumi perdagangan borong dan runcit, pasaraya besar dan pasar raya serta perniagaan francais dan jualan langsung secara konsistensya adalah antara penyumbang pelaburan utama kepada sektor perkhidmatan negara dan juga KDNK negara.

Pemodenan semua sub-sektor ini akan dilaksanakan melalui inisiatif pendigitalan di bawah program MyDigital termasuklah menambah-baik aplikasi ez-Aduan, Price Catcher, My Sales Tracker, MyHarga, Spacedeal, Chatbot Sara, Enforcement Command Centre dan ReDI.

Bagi menjadikan sektor perdagangan pengedaran berada dalam persekitaran perniagaan yang lebih kondusif, beberapa perundungan yang berkaitan akan diteliti semula dan dipinda bagi membantu pemulihian entiti perniagaan dan menjadikan perniagaan kekal kompetitif, terutamanya dalam fasa pemulihian pandemik COVID-19. Antara perundungan yang terlibat adalah Akta Syarikat 2016, Akta Perkongsian Liabiliti 2012, Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993, Peraturan-peraturan di bawah Akta Francis 1998 serta perundungan-perundungan lain berkaitan harta intelek.

Untuk menyokong memperkembangkan ekonomi gig dalam RMK-12, KPDNHEP bersama MYCC, sebuah agensi di bawah Kementerian, telah lebih dulu mengadakan libat-urus yang berterusan dengan pemain utama industri ini seperti Shoppe, Lazada, Grab, Food Panda dan Airasia Food agar satu ekosistem yang kondusif dan iklim persaingan yang sihat dapat diwujudkan antara pengguna, vendor, operator dan pekerja-pekerja penghantaran.

Dalam aspek dana harta intelek seperti yang diumumkan YAB Perdana Menteri, KPDNHEP akan mengarahkan MYIPO, sebuah agensi di bawah Kementerian untuk memperhebatkan usaha membantu lebih ramai usahawan di kalangan belia untuk memfalkan harta intelek mereka seperti cap dagangan, paten, hakcipta dan rekabentuk perindustrian. Dalam masa yang sama, MYIPO juga akan membantu adik Maryam Muzamir mematenkan hasil innovasi makanan haiwannya yang telah memenangi tiga (3) pingat emas Pertandingan Inovasi dan Reka Cipta Antarabangsa Ke- 6 (iCAN) di Toronto, Kanada.

KPDNHEP merakamkan komitmen untuk memastikan semua dasar dan strategi berkaitan Kementerian dalam RMK-12 dicapai untuk lima (5) tahun akan datang. Perkembangan dan status setiap inisiatif akan dipantau sebaiknya supaya matlamat "Keluarga Malaysia – Makmur, Inklusif dan Mampan" tercapai.

## TREND HARGA AYAM YANG SEMAKIN MENURUN DAN USAHA YANG DIAMBIL KERAJAAN UNTUK MENSTABILKAN HARGA AYAM

**P**utrajaya, 22 September 2021 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), memantau rapi isu kenaikan harga ayam standard yang berlaku sejak awal September 2021 yang lalu sehingga harga di peringkat runcit melebihi RM10.00 sekilogram di beberapa kawasan di seluruh negara.

Berdasarkan data oleh Bahagian Harga Barang Negara (BHBH) KPDNHEP, pada 13 September 2021, sebanyak 98 premis runcit (14.58%) yang diperiksa telah menjual ayam standard pada harga melebihi RM10.00/kilogram. Berikut itu, KPDNHEP telah melaksanakan pendekatan baharu dengan mengadakan sesi libat urus secara tarus

## HARGA BORONG KIT UJIAN PANTAS ANTIGEN RM16, HARGA RUNCIT RM19.90 – DI BAWAH AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

**PUTRAJAYA**, 2 September 2021 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bekerjasama dalam melaksanakan penentuan harga borong dan runcit bagi kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri).

Sehubungan itu, permintaan terhadap kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri) dijangkakan meningkat susulan kesedaran orang ramai bagi membuat ujian sendiri untuk memastikan diri bebas dari wabak COVID-19. KPDNHEP telah mengadakan libat urus dengan semua pemain industri tempatan dan pengimport dalam menentukan harga kawalan yang berpatutan bagi semua pihak. KPDNHEP juga menjangkakan kesan persaingan akan menstabilkan lagi harga jualan di semua peringkat seperti mana berlaku kepada harga pelitup muka sekarang.

Kit Ujian Pantas Antigen COVID-19 (Ujian Sendiri) yang akan dikawal adalah merupakan suatu peranti yang diluluskan secara bersyarat oleh Pihak Berkua Peranti Perubatan (MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia bagi pengesanan antigen yang menyebabkan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) dengan menggunakan sampel bendalir mulut atau swab hidung. Sebagai Kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup yang meningkat pada masa kini dan sebagai tanda sokongan Kementerian bagi wabak Covid-19,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan membuat kawalan ke atas harga borong dan runcit maksimum bagi kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri) yang akan berkuat kuasa pada 5 September 2021 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

Penentuan harga maksimum **borong** dan **runcit** **kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri)** dibuat mengikut kewajaran dan kesesuaian bagi penguasaan yang lebih berkesan untuk **memastikan** harga yang berpatutan dan keberadaan bekalan di pasaran bagi manfaat pengguna dan peniaga.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menentukan harga maksimum borong dan runcit **kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri)** berdasarkan kepada maklumat harga dari punca-punca berikut:

- i. pemantauan harga di semua premis dan farmasi di seluruh negara;
- ii. maklum balas dari agensi kerajaan seperti Pihak Berkua Peranti Perubatan (MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM); dan
- iii. perbincangan dengan pengilang, pengimport, peruncit dan persatuan farmasi barang



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAH PENGUNA

### PENIAGA DIINGATKAN SUPAYA TIDAK MENJUAL BARANG YANG DIKAWAL MELEBIHI HARGA YANG TELAH DITETAPKAN KERAJAAN

BARANG	JENIS	HARGA KAWALAN
<b>Kit Ujian Pantas Antigen COVID-19 (Ujian Sendiri)</b>	<b>1 Unit Peringkat Borong</b>	<b>RM 16.00</b>
	<b>1 Unit Peringkat Runcit</b>	<b>RM 19.90</b>

"Mana-mana peniaga yang melanggari garis panduan dan syarat serta harga akan dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011"

dan Timbalan Menteri, Dato' Rosol Wahid, Menteri MAFI, Datuk Seri Ronald Kiandee, dan Timbalan Menteri I, Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah serta pegawai-pegawai tertinggi kedua-dua Kementerian.

Mesyuarat dimaklumkan, melalui sesi libat urus yang telah dilakukan oleh KPDNHEP dan MAFI bersama pihak industri di seluruh Negara, pihak industri bersetuju untuk menurunkan lagi harga ayam di peringkat pengeluar/ladang supaya harga di peringkat borong dan runcit juga dapat distabilkan sekaligus membantu pengguna untuk menikmati harga ayam pada harga yang berpatutan.

Hasil daripada perbincangan yang diadakan semalam, kedua-dua Kementerian bersetuju untuk meneliti beberapa cadangan daripada pihak industri berkaitan usaha untuk menstabilkan harga ayam, antaranya pemberian kemudahan pinjaman mudah (soft-loan) bagi membantu industri mengekalkan jumlah pengeluaran ayam yang

melaksanakan penedakan banjir dengan mengadakan sesi lobat urus secara terus dengan peniaga di lokality yang mengalami kenaikan harga ayam.

Usaha ini telah membuatkan hasil apabila data menunjukkan trend penurunan harga ayam berbanding pada awal September yang lalu dan trend ini dijangka akan terus menunjukkan penurunan sekaligus dapat menstabilkan harga ayam di pasaran. **Setakat 20 September 2021, hanya 10 premis (1.74%) masih menjual ayam pada harga melebihi RM10.00/kilogram.**

Berikut itu, KPDNHEP dan MAFI telah mengadakan mesyuarat bersama bagi meneliti beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan dalam menangani isu harga ayam ini. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Menteri KPDNHEP, Dato Sri Alexander Nanta Linggi

mencukupi dan menangani isu peningkatan kos pengeluaran ayam berikut kenaikan harga komponen makanan ayam yang diimport.

Selain daripada itu, Kerajaan turut mempertimbangkan kawalan harga di semua peringkat disokong dengan pemberian subsidi kepada rantaian tertentu sebagai salah satu usaha menangani isu kenaikan harga ayam ini selain cadangan untuk melaksanakan sistem permohonan permit (AP) bagi penjualan ayam, sekiranya usaha Kerajaan untuk menangani isu harga ayam ini tidak mendapat kerjasama daripada peniaga di semua peringkat.

# HARGA BARANG ISU SEPANJANG ZAMAN

OLEH : WAI TEE

**H**arga barang keperluan akan terus menjadi isu yang menghantui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Negeri (KPDNHEP), menteri dan pegawai-pegawaiannya, biarpun kerajaan bertukar tangan silih berganti.

Harga barang asas seperti ayam, telur, bawang, ikan rakyat seperti kembung dan selar serta sayur-sayuran seperti kobis, sawi dan tomato merupakan barang keperluan yang sangat dekat di hati pengguna.

Ayam dan telur adalah sumber protein yang termurah untuk golongan B40 dan keluarga muda M40. Sedikit perubahan pada harga, pasti akan menggagarkan ruang komen pengguna di media, konvensional mahupun baru.

Saat itu fokus akan tertumpu kepada kerajaan kerana rakyat bukan sahaja berharap tetapi menuntut diselesaikan secara tuntas agar rakyat marhaen tidak terus terbeban dengan kesan kenaikan tersebut.

## PETROL NAIK BARANG NAIK

Telah menjadi satu mitos yang sinonim apabila harga petrol naik, harga barang akan turut naik. Pernah satu ketika, bila minyak mentah naik melebihi USD100 setong, semua barang termasuk air suam dan teh tarik dinaikkan.

Tapi bila harga petrol merudum, minyak mentah pada kadar USD35 setong dan harga RON95 dan diesel turun ke RM1.25 seliter ketika PKP pada tahun 2020, harga barang tidak pula turun. Harga tetap pada harga petrol yang mencanak sebelumnya.

Ada juga pengguna yang membebali dan merungut, tapi tak lah serius ketika harga barang naik. Mitos akan tetap mitos, digunakan hanya untuk naikkan harga barang. Benarlah bidalan orang-orang tua, "hanya hujan sahaja yang turun, lain semua naik".

## KOMPONEN TENTUKAN HARGA BARANG

Setiap barang ada komponen untuk menghasilkan atau mengeluarkan sesuatu barang keperluan. Ini adalah pemahaman asas yang mesti diterima oleh semua pengguna.

Ikan untuk sampai ke pasar memerlukan nelayan, awak-awak, kapal/bot dan jaring. Itu semua kos. Kapal memerlukan diesel untuk ke laut. Sebab itu kerajaan beri subsidi diesel kepada para nelayan, walaupun ada yang salahguna menjualnya kepada nelayan asing untuk keuntungan segera.

Sayur-sayuran memerlukan tanah, benih, air, racun dan baja. Ada pula memerlukan pembinaan rumah hijau untuk memastikan kualiti bagus sepanjang tahun. Belum lagi air, elektrik dan teknologi hidropik dan fertigasi.

Banyak komponen kos dalam pengeluaran ayam dan telur. Reban, baka ayam, ubat-ubat, vitamin dan makanan ayam adalah antara komponen yang terpenting.

Begitulah juga dengan barang keperluan yang memerlukan pengeluaran kilang pembuatan. Kilang, bahan mentah dan mesin semua adalah kos yang perlu diambil kira dalam penawaran harga kepada pengguna.

## UPAH DAN GAJI

Satu komponen kos yang mesti ada dalam setiap industri adalah pekerja, mahir dan kurang mahir. Pekerja adalah

## BAHAN MENTAH IMPORT

Kos akan meningkat jika bahan mentah, peralatan, bahan makanan ternakan, vitamin dan ubat-ubatan adalah dari sumber import terutama apabila bahan-bahan tersebut berkurangan kerana kawalan negara pengeluar, permintaan meningkat atau mata wang negara jatuh.

Kos makanan ayam, vitamin dan ubat-ubatan yang meningkat baru-baru ini merupakan kes klasik bagaimana bahan mentah boleh memberi kesan kepada harga jualan ayam yang meningkat yang terpaksa ditanggung oleh pengguna.

## CUACA DAN PENYAKIT

Cuaca dan penyakit turut mempengaruhi harga jualan. Musim tengkujuh yang menyebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut telah mengurangkan hasil dan menyebabkan peningkatan harga.

Banjir yang melanda India menyebabkan bekalan import bawang terganggu. Begitu juga banjir di Pahang yang menyebabkan hasil ternakan patin dan ikan sungai lain terganggu boleh meningkatkan harga jualan.

Musim hujan dan sejuk juga boleh mempengaruhi hasil tanaman dan pembesaran ayam sedikit terganggu dan memberi kesan kepada bekalan di pasaran yang kemudiannya mempengaruhi harga jualan.

## HARGA KAWALAN

Semasa berlaku kenaikan harga ayam baru-baru ini, ramai pengguna meminta supaya Kerajaan menjadikan ayam barang kawalan dengan harga dikawal pada tahap tertentu.


Itu adalah jalan penyelesaian terlalu mudah tanpa memikirkan kesan jangka panjang. Kawalan harga mungkin bagus untuk pengguna tetapi tidak untuk industri dan negara.

Industri boleh lumpuh jika pengusaha dan peniaga mendapati keuntungan mereka disekat dan dihadkan. Malah mereka boleh sahaja mengeksport produk mereka atau pindah operasi mereka ke negara lain. Dan ini sangat merugikan negara dari segi pendapatan dari cukai dan rakyat kehilangan banyak pekerjaan.


## KITARAN PENTERNAKAN INTEGRASI AYAM DAGING



## U.S.Corn CFR Price



## U.S.Soybean Meal CFR Price



Mereka mungkin penjual ayam tetapi mereka adalah pengguna yang menggunakan beras, sayur dan barang keperluan lain. Kenaikan harga yang keterlaluan mungkin dilihat menguntungkan kepada peniaga sesuatu barang tetapi sebenarnya mereka juga terpaksa membayar lebih kepada barang lain.

Pasaran mestilah dibiar untuk menyelesaikan harga barang dalam pasaran. Kenaikan selalunya bersifat sementara dan bila bekalan kembali pulih atau permintaan berkurangan disebabkan pengguna memilih alternatif, pada waktu itu akan berlaku penyelesaian harga.

## PERANAN PENGGUNA

Pengguna memainkan peranan yang amat besar dalam mempengaruhi pasaran dan harga. Pergantungan atau ketaksuban pengguna kepada sesuatu jenama, barang, premis boleh menyebabkan pengguna tersebut dieksloitasi oleh sesebuah jenama dan premis.

Pengguna memiliki banyak pilihan dan seharusnya melaksanakan hak mutlak mereka mengekplorasi setiap pilihan dan alternatif yang ada demi kebaikan diri dan ekonomi mereka.

Mungkin ada situasi di mana pengguna harus mengurangkan ekspektasi atau citarasa jika diperlukan sehingga keadaan kembali normal. Sedikit pengorbanan demi kebaikan jangka panjang mungkin menyelesaikan sementara yang diperlukan.

Kes minyak masak dan ayam merupakan satu contoh di mana alternatif tersedia dalam bentuk minyak masak paket polibeg dan ayam di premis tertentu yang menjual pada harga patut. Tetapi

seperti nelayan, pekerja kebun, pekerja ladang ayam dan telur, dan pekerja kilang.

Semua pekerja memerlukan upah atau gaji. Seperti pengguna lain, gaji itulah yang akan digunakan untuk kelangsungan hidup membesarakan keluarga. Jika orang yang makan gaji dalam industri perkhidmatan mengharap gaji mereka dinaikkan setiap tahun, begitulah pekerja di laut, ladang dan kilang.

Semakin ramai pekerja mahir, semakin tinggi komponen upah yang akan dimasukkan ke dalam kos pengeluaran yang kemudiannya diterjemahkan kepada harga jualan yang harus dibayar oleh pengguna.

Dalam proses pembesaran, sektor ini memerlukan sekurang-kurangnya 2.87 kg makaroni untuk mendapatkan heat 1.58kg dalam masa 32-35 hari



Jagung dan Soya dimper dari luar negara di mana soya ditumbuh oleh paraan kawoditi dan berfungsi kepada pemintaan dasar bekalan



pengguna memekik meminta supaya harga dikawal.

Kalau sikap pengguna tidak fleksibel dengan pilihan dapat mereka, malah menjadi pejuang peruncit yang tetap hendak mengekalkan margin keuntungan mereka dan di masa yang sama pengusaha terteket dengan pelbagai kekangan di peringkat ladang, masalah ini tetap sama dan berulang walau pengguna menukar kerajaan tiap tahun.

Itulah pemerhatian dan pengalaman penulis yang telah melalui perubahan kerajaan beberapa kali sejak 2018.

## WAWANCARA

SEPTEMBER & OKTOBER 2021

4

K A P S U L  
PENGUNA



Pameran dan persidangan Franchise International Malaysia (FIM) adalah program tahunan anjuran bersama oleh KPDNHEP dan MFA. [Penganjurannya pada tahun ini adalah buat kali yang ke-28](#), menjadikannya antara siri pameran yang paling lama dan masih berterusan sehingga ke hari ini. FIM juga merupakan satu-satunya pameran francais berskala besar di Malaysia yang diiktiraf oleh World Franchise Council (WFC) dan Asia Pacific Franchise Confederation (APFC).

Penganjuran FIM adalah bertujuan untuk mengetengahkan industri francais sebagai bidang perniagaan yang boleh diceburi oleh rakyat. Pelbagai jenama francais tempatan dan antarabangsa yang dirancang untuk dipamerkan semasa FIM, memberi peluang kepada rakyat untuk bertemu dan berbincang dengan penggiat industri.

### DIGITAL FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2021

1. Pada tahun ini, FIM2021 diteruskan dengan format digital. Pameran digital ini akan berlangsung dari 9 hingga 16 Oktober 2021. YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri sendiri akan hadir merasmikan FIM2021 semasa pembukaan Persidangan FIM2021 pada 14 Oktober 2021. Sehingga hari ini, sebanyak **61 jenama francais telah mengesahkan penyertaan dalam FIM2021** melibatkan penyertaan **industri francais tempatan dan luar negara** serta agensi-agensi yang berkaitan dengan ekosistem francais yang berkaitan dengan ekosistem francais.
2. Sasaran bilangan pengunjung ke FIM2021 ialah **seramai 15,000 orang**, iaitu meningkat sekali ganda berbanding tahun yang lalu. Kementerian juga mensasarkan sekurang-kurangnya sebanyak **RM200 juta nilai potensi pelaburan** dalam perniagaan francais akan terhasil.
3. FIM 2021 pada kali ini juga menyediakan pelbagai manfaat kepada usahawan dan bakal usahawan seperti;
  - a) peluang kerjaya sebagai usahawan francais,
  - b) pengetahuan berlepas francais di
4. Manakala bagi prestasi jenama tempatan di persada antarabangsa, sebanyak 65 syarikat Franchise Malaysia telah berjaya mengembangkan



**Dari tahun 2010 sehingga 2019, penganjuran FIM telah berjaya menghasilkan nilai potensi pelaburan dalam industri francais sebanyak RM3.75 bilion atau secara puratanya RM375 juta setiap tahun, menunjukkan sambutan yang amat menggalakkan daripada rakyat berbilang kaum di negara ini.**

Pertama kalinya FIM telah diadakan secara atas talian pada tahun 2020 impak daripada penularan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia. Oleh kerana, negara kita kini berada dalam Fasa Pemuliharan, Kementerian bersetuju untuk meneruskan FIM pada tahun ini untuk diadakan secara atas talian.

Boleh dikatakan ramai di kalangan penggiat industri francais di Malaysia pada ketika ini yang **titik permulaan kerjaya mereka sebagai pengusaha perniagaan francais bermula di FIM**. Berikut adalah temubual YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna di dalam Program Temu Bual Biz-RTM pada 7 Oktober 2021 jam 2.00 petang.

#### I. BOLEH YB DATO SRI, TERANGKAN SERBA SEDIKIT TENTANG KONSEP PENGANJURAN

#### III. SIAPAKAH GOLONGAN SASAR KEMENTERIAN DALAM PENGANJURAN FIM2021?

Dalam membangunkan industri francais ini, Kementerian melihat secara holistik, merangkumi golongan usahawan, golongan pendapatan isi rumah B40 sehingga lah kepada pengguna.

**Francaisor** – FIM2021 menyediakan peluang untuk memasarkan perniagaan. Mereka berpeluang untuk meluaskan perniagaan di dalam dan ke luar negara melalui penganjuran FIM2021 ini.

**Usahawan konvensional** – inilah masanya untuk usahawan-usahawan di luar sana menaiktaraf perniagaan mereka kepada bentuk francais yang lebih kompetitif dan sistematis. Jadi mereka boleh menyertai pameran ini sebagai pelanggan dan mendapatkan info-info dari pegawai KPDNHEP dan MFA yang bertugas untuk khidmat nasihat yang berkaitan.

**Usahawan baru** – mereka boleh melawat pameran secara maya ini dan melihat sendiri supaya memberi keyakinan kepada mereka yang berminat untuk menjadi usahawan francais.

**Bakal-bakal francaisi** – mereka boleh mendapatkan info mengenai program-program pembiayaan dan tawaran pakej-pakej perniagaan francais yang berkualiti dan terbukti, dengan risiko perniagaan yang lebih rendah berbanding perniagaan konvensional. Mereka boleh melawat booth dari agensi pembiayaan seperti Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) bagi maklumat pembiayaan dan booth-booth francaisor yang mereka minati untuk mendapatkan tawaran mengenai pakej francais.

#### IV. BAGAIMANA PENGGUNA BOLEH BERINTERAKSI DAN MENDAPATKAN KHIDMAT NASIHAT DI VIRTUAL FIM2021?

##### 1. Komunikasi melalui Live chat dan Video conferencing

a. **Live chat** adalah ruang dimana pengunjung dapat berinteraksi dengan para pempamer melalui ruangan chat yang disediakan secara terus atau live. Wakil syarikat akan sentiasa bersedia melalui platform mereka bagi melayan pengunjung yang melawati booth mereka secara maya. Ruangan chat itu berfungsi seperti ruangan chat di platform lain seperti messenger, whatsapp, telegram dan lain-lain.

b. **Video conferencing** adalah ruangan untuk sesi konsultasi pakej francais, dan apa sahaja maklumat berkenaan jenama mereka. Perbincangan **Face to face/screen to screen** antara pengunjung dan pempamer – mencapai persetujuan bagi pakej perniagaan yang ditawarkan. Slot diaturkan hanya melalui **temuanji** yang ditetapkan oleh pengunjung bersama pempamer di booth mereka.

##### 2. Live session / Workshop

Ruangan untuk pempamer atau syarikat memperkenalkan tentang latar belakang syarikat mereka kepada orang ramai dan demonstrasi produk serta peluang perniagaan francais mereka. Terdapat lebih kurang 9 slot Live yang dijadualkan setiap hari untuk pempamer yang berbeza.

##### 3. Persidangan Francais Digital

Persidangan yang diadakan sempena pameran ini untuk pengunjung meningkatkan pengetahuan berkaitan francais sebelum memulakan francais atau untuk memberi lebih bimbingan kepada mereka yang telah memulakan perniagaan francais.

##### 4. Pameran Francais Digital

Pengunjung dapat mengunjungi booth pempamer secara digital/ di portal FIM sahaja untuk mendapatkan maklumat perniagaan serta membuat runding cara berkenaan pakej perniagaan francais yang ditawarkan.

##### 5. Pemadanan Perniagaan

Ruangan untuk pengunjung bersemuka dan berbincang secara maya mengenai tawaran pakej perniagaan francais pilihan mereka.

##### 6. Sesi Perundingan

Sesi khidmat nasihat Bersama Agensi dan institusi sokongan terlibat. Terdapat lebih 8 organisasi terlibat termasuk TEKUN Nasional, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), SME Corporation Malaysia dan lain-lain.

#### V. APAKAH BENTUK SOKONGAN DAN BANTUAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MENYOKONG PERKEMBANGAN INDUSTRI FRANCAIS?

1. Kerajaan, melalui KPDNHEP sentiasa memberi sokongan kepada industri francais ini agar ia dapat terus berkembang sebagai sumber kekayaan rakyat.

berkaitan francais di Persidangan Digital Francais Antarabangsa Malaysia,

perniagaan mereka dengan pembukaan lebih daripada 3,000 outlet baru di 66 buah negara. Antaranya ialah Daily Fresh, Nelson, Rotiboy, Global Art, Muz Art, Laundrybar, Clean Pro, Poney dan Smart Reader.

5. Negara dengan bilangan outlet Franchise Malaysia yang tertinggi ialah Arab Saudi, Indonesia, Amerika, Australia dan China.
6. Dengan prestasi industri francais negara pada ketika ini, Malaysia telah mula mendapat tempat bagi pelabur-pelabur perniagaan francais antarabangsa. Perkembangan ini mampu untuk merealisasikan hasrat KPDNHEP untuk menjadikan Malaysia sebagai hub perniagaan francais antarabangsa.



2. Pada tahun ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.8 juta untuk melaksanakan program-program pengembangan francais malaysia ke peringkat antarabangsa. Sungguhpun pergerakan keluar masuk negara terhalang disebabkan Covid-19, KPDNHEP masih melaksanakan misi promosi melalui siri jelajah maya Malaysia Digital Franchise Expo (MyDigiFex) dan eksposo digital FIM2021 ini. Selain itu, Kementerian juga turut sama terlibat dalam penyertaan ke eksposo Dubai 2020 bersama Kementerian Belia dan Sukan pada Minggu Ke-10 dan Kementerian Pengajian Tinggi pada Minggu Ke-11 Eksposo Dubai 2020.

Selain itu, Kementerian juga diberikan peruntukan untuk menjalankan program-program pengembangan di peringkat domestik. Antara program yang dilaksanakan ialah siri jelajah Franchise Bay di mana KPDNHEP membawa sekitar 15 syarikat francaisor serta agensi Kerajaan seperti Pernas ke seluruh Malaysia mempromosikan perniagaan francais kepada rakyat. Pada tahun ini kami sempat mengadakan siri jelajah ini sebanyak dua kali di Melaka dan Terengganu.

Selain itu, KPDNHEP juga diperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk melaksanakan program Francais Mikro dan Mampu milik pada tahun ini.



DAHULU

## MODAL FRANCAIS RM500K KE ATAS

Sebelum ini perniagaan francais memerlukan modal sekurang-kurangnya RM500K ke atas.

kpdnhep



INISIATIF

## FRANCAIS MIKRO & MAMPU MILIK

Kerajaan sedang menggalakkan Francisor sedia ada untuk membantu golongan sasar memulakan bisnis Francois Mikro dan Mampu-Milik melalui gran RM5 juta dengan sasaran 8 francisor (geran RM2 Juta) dan 27 francaisee (geran RM 2.5 Juta) dalam projek perintis ini.

kpdnhep



IMPAK

## MEMBANTU GOLONGAN B40 & M40

Dengan Francois Mikro dan Mampu-Milik, golongan B40 dan M40 kini boleh memulakan bisnis Francois dengan modal serendah RM50K ke bawah dan RM100K ke bawah.

kpdnhep

PENIAGA

SEPTEMBER & OKTOBER 2021

6

# KERAJAAN KOMITED PERKASA INDUSTRI FRANCAIS

PUTRAJAYA, OKTOBER 2021 - Kerjasama semua pihak sama ada kerajaan mahu pun swasta dalam tempoh lima tahun mendatang diperlukan bagi menghidupkan semula momentum industri Francois negara yang terjejas akibat pandemik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata dalam mencapai hasrat itu, kerajaan sudah memperuntukkan sejumlah RM10 juta kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk terus melaksanakan Enhanced Franchise Development Programme (EFDP).

Beliau berkata, EFDP akan memberi latihan kepada usahawan Francois tempatan untuk mereka melengkapkan diri dengan amalan serta pengurusan Francois antarabangsa, padanan perniagaan serta misi perdagangan selain pembayaran balik kos eksport.

Pada masa sama, usaha yang dilaksanakan melalui Program Pembangunan Francois Mikro dan Francois Mampu Milik bakal membawa hasil menjelang akhir tahun ini, apabila usahawan Francois akan memulakan perniagaan masing-masing.

"Kerajaan kekal komited dalam menyokong perkembangan industri Francois melalui pelbagai inisiatif bawah KPNDHEP," katanya ketika melancarkan Pameran dan Persidangan Francois Antarabangsa Malaysia 2021 (FIM2021) ke-28 yang dibuat secara maya. Turut hadir bersama, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Pengerusi Persatuan Francois Malaysia (MFA), Datuk Dr Radzali Hassan.

Ismail Sabri berkata, industri Francois negara mencatatkan nilai jualan sebanyak RM13.3 bilion pada 2019, iaitu peningkatan sebanyak 19.1 peratus berbanding RM11.16 bilion tahun sebelumnya. Pada 2019, industri Francois Malaysia juga menyumbang kepada lebih 80,000 peluang pekerjaan dengan anggaran sumbangan gaji sebanyak RM1.4 bilion manakala kira-kira RM5.2 bilion jumlah jualan direkodkan pada akhir tahun kewangan 2020.

9-16 Oktober 2021

"Towards Digitalized Franchising".

Dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia secara maya

Program tahunan yang diadakan untuk mengumpulkan pemain industri Francois dari dalam dan luar negara bagi tujuan memperkenalkan produk Francois dan peluang perniagaan mereka yang meliputi pelbagai sektor.

Disokong sepenuhnya oleh World Franchise Council (WFC), Asia Pacific Franchise Confederation (APFC) dan The Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE).

Mensasarkan sekurang-kurangnya sebanyak RM200 juta nilai potensi pelaburan dalam perniagaan Francois akan terhasil.

Sambutan dan sokongan di persada Antarabangsa antaranya Australia, Amerika, Belgium, Indonesia, Itali, Korea Selatan, Filipina, Singapura, Taiwan dan Turki.

70 pameran yang terdiri daripada syarikat Francois, Francois Induk, Bakal Francois dan Francois Induk, institusi sokongan serta rakan strategik industri Francois.

# FRANCAIS ANTARABANGSA MALAYSIA 2021 (FIM2021) SECARA MAYA KALI KE-28

"Kerajaan positif jumlah akhir nilai jualan pada tahun ini mencecah RM13 bilion, berdasarkan kepada kekuatan industri ini biarpun negara berdepan dengan pandemik COVID-19," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, Malaysia sentiasa menyesuaikan diri dengan dasar menyokong Francois serta mengalaukan Francois antarabangsa untuk mengembangkan perniagaan mereka di negara ini, selari

dengan sasaran negara untuk menjadikan Malaysia sebagai hab Francois untuk ASEAN.

"Kerajaan yakin bahawa pertumbuhan sihat perniagaan Francois akan membantu memakmurkan dan memberi manfaat kepada negara, usahawan, pengguna, bank, perkhidmatan sokongan serta keseluruhan masyarakat Malaysia.

"Dalam kerangka dasar itu, sudah ada program yang menyasarkan kepada usahawan muda untuk mendapat peluang sama rata kepada sumber. Ini boleh dicapai melalui geran yang ditawarkan oleh Kerajaan melalui Program Pembangunan Francois Mikro dan Francois Mampu Milik.

"Melalui program ini, pemilik perniagaan baharu ditawarkan geran padanan, manakala geran penuh diberikan kepada pemilik Francois untuk berkembang bagi lebih banyak peluang perniagaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, ia adalah sebahagian daripada inisiatif untuk menghidupkan semula pertumbuhan ekonomi melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dalam mencapai sasaran Keluarga Malaysia iaitu Sebuah Malaysia yang Makmur, Inklusif dan Mampan.

Justeru, beliau mengalaukan komuniti Francois antarabangsa untuk menjadikan negara ini sebagai hab kemudahan pusat masing-masing di rantau Asia Tenggara selain memulakan perniagaan mereka ke negara Asia Timur.

## FIM 2021 MANFAAT KEPADA USAHAWAN DAN BAKAL USAHAWAN;

- 1 Peluang kerjaya sebagai usahawan Francois;
- 2 Penggetahuan berkaitan Francois di Persidangan Digital Francois Antarabangsa Malaysia; Francois;
- 3 Bimbingan dan khidmat rasmihat secara percuma mengenai perniagaan melalui Sesi Perundingan daripada pakar runding dan konsultan;
- 4 Interaksi secara terus dengan para pameran melalui ruangan chat dan panggilan video;
- 5 Ses Live Francois secara PERCUMA untuk meningkatkan rasio kejayaan dan peluang perniagaan Francois; dan
- 6 Hadiat menarik untuk pengunjung berhujah

KOMITED

# KOMITED PULIHKAN INDUSTRI FRANCAIS

OLEH ZULKIFLI MANZOR

**P**UTRAJAYA – Kerajaan komited terhadap usaha menyokong dan menghidupkan semula momentum industri francais di negara ini yang turut terjejas akibat pandemik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan bagi meneruskan pelaksanaan Enhanced Franchise Development Programme (EFDP).

"EFDP memberi latihan kepada usahawan francais tempatan dengan amalan serta pengurusan francais antarabangsa, padanan perniagaan, misi perdagangan selain pembayaran balik kos eksport.

"Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik pula bakal membawakan hasil menjelang akhir tahun ini apabila usahawan francais memulakan perniagaan mereka," katanya pada majlis pelancaran Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia (FIM) ke-28 semalam.

FIM adalah program tahunan yang diadakan untuk mengumpulkan pemain industri francais dari dalam dan luar negara bagi tujuan memperkenalkan produk francais dan peluang perniagaan mereka.



Sebanyak 70 pemamer terdiri daripada syarikat francaisor, francaisi induk, bakal francaisor dan francaisi induk, institusi sokongan serta rakan strategik industri francais mengambil bahagian.

Termasuk perniagaan francais dari luar negara antaranya Australia, Amerika, Belgium, Indonesia, Itali, Korea Selatan, Filipina, Singapura, Taiwan dan Turki.

FIM dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Persatuan Francais Malaysia (MFA).

Ismail Sabri seterusnya menerangkan, industri francais negara mencatatkan nilai jualan sebanyak RM13.3 bilion pada 2019 dan menyumbang kepada lebih 80,000 peluang pekerjaan sebelum merekodkan kira-kira RM5.2 bilion nilai jualan pada akhir tahun kewangan 2020.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan positif jumlah akhir nilai jualan pada tahun ini mencecah RM13 bilion berdasarkan kepada kekuatan industri itu biarpun negara sedang berdepan dengan pandemik Covid-19.

Tambah beliau, kerajaan berkeyakinan terhadap pertumbuhan perniagaan francais akan membantu memakmur dan memberi manfaat kepada negara keseluruhan masyarakat Malaysia.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan mengalu-alukan francaisor antarabangsa mengembangkan perniagaan di negara ini bagi menjadikan Malaysia sebagai hab francais untuk ASEAN.

## KAPSUL PENGGUNA

SEPTEMBER & OKTOBER 2021

7

PENGGUNA

### ANDA TANYA? KPDNHEP JAWAB!



**B**aru-baru ini saya ada membeli pasu bunga hiasan secara online. Terdapat bahagian pasu yang pecah ketika saya menerima barang, walaubagaimanapun pihak penjual tidak mahu bertanggungjawab atas alasan telah 'sealkan' barang dengan sempurna. Apakah yang boleh saya lakukan untuk menuntut gantirugi.

Lisa, Parit Buntar Perak.

Sebagai pengguna atau pembeli, kita berisiko akan mendapat masalah kerosakan barang kiriman samada pecah atau rosak. Puan mempunyai hak ke atas barang yang di beli dan anda boleh membuat Tuntutan Tribunal Pengguna Malaysia (TTPM) jika aduan dan tuntutan kepada peniaga serta syarikat penghantaran barang gagal menemui penyelesaian.

Tuntutan ke TTPM adalah jalan penyelesaian terakhir jika jalan penyelesaian kedua-dua pihak tidak menemui kata putus dan tidak berkesudahan. Sebagai satu saluran alternatif kepada mahkamah sivil, bidang kuasa tribunal adalah untuk pengguna menuntut tebus rugi berkenaan pembelian barang atau perkhidmatan yang dibenarkan di bawah bidang kuasa, jumlah amaun tuntutan tidak melebihi RM50,000 dan tuntutan yang dijelaskan dalam masa tiga tahun dari tuntutan itu.

Jumlah tuntutan tidak melebihi RM50,000 itu berkuat kuasa selepas Rang Undang-Undang (RUU) Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019 diluluskan di Dewan Rakyat pada 8 Julai 2019 bagi menggantikan jumlah lama tidak melebihi RM25,000.

Berikut adalah saluran untuk anda membuat tuntutan ke TTPM:

- hadir di kaunter TTPM di seluruh negara.
- permohonan secara online di <https://ttpp.kpdnhep.gov.my>



1. Butir perihadi pihak penuntut - nama penuh, nombor K/P dan alamat kediaman
2. Nama penjual - nama dan alamat individu atau syarikat
3. Nyatakan fakta tuntutan dengan jelas, termasuk butir-butir tuntutan. Cth: mendapat semula wang yang dibayar, gantian semula barang, atau lain-lain pernyataan bergantung kepada jenis tuntutan pengguna
4. Nyatakan jumlah tuntutan wang dengan jelas
5. Nyatakan apa-apa fakta yang dapat membantu pihak Tribunal mendapat gambaran yang jelas mengenai fakta kes tuntutan
6. Bukti transaksi seperti resit, dokumen Perjanjian, surat-surat berkaitan jaminan/waranti, apa-apa tangkap skrin (screenshot), rekod perbincangan sama ada fisan, bertulis atau dalam talian, gambar berkaitan dan sebarang dokumen yang dikhaskan perlu.

"Had nilai maksimum yang boleh dituntut di TTPM adalah RM50,000. Jumlah bayaran untuk memfalkan kes di TTPM adalah RM5.00"

### PERANCANG PERKAHWINAN DIARAH BAYAR SEMULA WANG PELANGGAN

**K**OTA KINABALU - Seorang perancang perkahwinan diarahkan membayar semula wang sebanyak RM6,590 kepada pelanggan selepas didapati terma syarat 'deposit tidak dapat dikembalikan' tidak adil kepada pelanggan.

Individu itu diminta membayar semula wang terbabit pada Khamis dalam tempoh 14 hari oleh Presiden Tribunal Tuntutan Pengguna di Kota Kinabalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah, Georgie Abas berkata, pengguna berkenaan membuat pembayaran pendahuluan sebanyak RM7,090 daripada RM9,090 jumlah keseluruhan pakej untuk majlis perkahwinan yang sepatutnya berlangsung pada April 2020.

"Bagaimanapun, perkahwinan itu terpaksa ditunda pada Jun akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020. "Beliau membuat keputusan untuk membatalkan majlis perkahwinan dan meminta wang pendahuluan dikembalikan," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Georgie bagaimanapun berkata, pemilik perniagaan itu tidak bersetuju dengan pembatalan itu. "Pemilik perniagaan juga merujuk kepada terma dalam invoice 'deposit tidak akan dikembalikan untuk sebarang pembatalan yang dibuat sebelum hari perkahwinan kecuali perkara-perkara yang tidak dijangka berlaku contohnya hilang'.

"Pemilik perniagaan itu juga menyatakan kos kerugian yang ditanggung oleh pihak mereka untuk pembayaran pendahuluan dan Presiden telah menyemak invoice yang diberikan pemilik perniagaan kepada pengguna sekawal tempahan dan mendapati kos yang dinyatakan dalam invoice terbabit tidak sama seperti kos kerugian yang dinyatakan oleh pemilik perniagaan," katanya.

Tambah Georgie lagi, pemilik perniagaan juga gagal mengemukakan resit bayaran kos. "Setelah mengambil kira keterangan pemilik perniagaan, Presiden membuat keputusan kos kerugian sebanyak RM500 wajar dipertimbangkan dan baki RM6,590 dibayar balik kepada pengguna," katanya.

Terdahulu, Georgie memaklumkan, Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) mendengar tuntutan yang difaillkan bagi kes-kes tebus rugi pembelian barang dan perkhidmatan untuk hal perkara yang dibenarkan di bawah Akta Pelindungan Pengguna 1999 dengan jumlah amaun tuntutan tidak melebihi RM50,000.

"TTPM ditubuhkan bagi menyediakan satu saluran alternatif selain

## APA YANG BOLEH DILAKUKAN SEKIRANYA MAJLIS KAHWIN DIBATALKAN KERANA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN?



Ketika artikel ni ditulis, sudah hampir dua tahun lebih Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerap dilaksanakan di Malaysia. Tidak dapat dinafikan juga ramai pihak yang terjejas akibat PKP ini, khususnya kepada para peniaga kecil, penjaja dan yang berkaitan.

Selain tu, kepada yang dah merancang untuk mengadakan majlis pun terjejas sama – seperti majlis perkahwinan yang terpaksa dibatalkan akibat PKP ini. Ini kerana, PKP melarang sebarang perhimpunan ramai, termasuklah untuk majlis perkahwinan, aktiviti keagamaan, majlis pengebumian dan sebagainya di sepanjang tempoh perintah ini.

Tapi selalunya, persediaan untuk majlis-majlis besar seperti majlis perkahwinan ini ambil masa yang lama atau lebih kurang 6 bulan sebelum berlangsung. Antara persiapan termasuklah seperti tempahan tempat, tempahan persembahan, katering makanan dan sebagainya. Dan disebabkan majlis perkahwinan ini terpaksa dibatalkan sepanjang tempoh PKP, muncullah persoalan: boleh ke kita dapat bayaran balik (*refund*) atau tangguhkan tempahan yang telah dibuat?

Boleh dikatakan, sain atau setuju dengan kontrak ini sudah menjadi rutin biasa kita semua. Tapi biasanya, kita tiada masalah sangat dengan pihak yang satu lagi sebab antara mereka dengan kita memang mampu penuhi perjanjian yang ada.

Tapi disebabkan PKP yang melarang kita mengadakan majlis perkahwinan, kita terpaksa membatalkan kontrak yang telah dibuat. Walaupun begitu, perkara ini terjadi bukan

disebabkan salah kita atau pihak yang lagi satu.

Jadinya dalam situasi ini, tidak ada mana-mana pihak yang bersalah. Tapi disebabkan keadaan yang tidak dijangka dah berlaku, ia menjadikan pihak-pihak yang terlibat tak dapat memenuhi kontrak dan ini membuatkan kontrak tu menjadi – kekecewaan kontrak atau *frustration of contract*.

Bagaimanapun, terdapat sesetengah kontrak yang ada klausula-klausula khas yang menyatakan sesuatu tugas itu tidak dapat dilaksanakan kerana berlakunya sesuatu perkara yang tidak dijangka. Dan perkara ini dikenali sebagai '*Force Majeure*'.

### Berunding semula dengan pihak lagi satu

Sekiranya anda buat keputusan untuk tangguhkan dulu segala persiapan kenduri anda sehingga pandemik ini tamat, anda boleh pilih untuk berunding semula tentang terma-terma dengan pihak satu lagi. Dalam masa sama, ia juga berikan peluang kepada pembekal perkhidmatan seperti pengurusan dewan atau katerer makanan untuk memulakan rundingan semula terlebih dulu.

Antara perkara yang mungkin boleh dibangkitkan semasa rundingan semula tu adalah tentang penamatkan kontrak untuk tempoh masa atau memanjangkan masa untuk mempersiapkan acara kerana PKP.

Bagaimanapun, jika anda mempertimbangkan untuk membatalkan majlis kerana PKP, anda boleh dapatkan duit deposit anda semula yang telah dibayar – selagi perkara yang dinyatakan dalam kontrak itu belum dijalankan. Hal ni kemungkinan besarnya akan melibatkan tuntutan mahkamah, di mana mahkamah boleh memerintahkan pihak lagi satu untuk membuat bayaran balik bagi kontrak yang dah jadi kekecewaan kontrak. Antara cara tuntutan yang boleh dituntut ialah di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), jumlah nilai tuntutan tidak melebihi RM50,000.00.

## PRODUK HOUSEBRAND: PILIHAN UNTUK BERJIMAT



Oleh Razali Mohamed Yasin

Produk housebrand? Berapa ramaikah pengguna di luar sana yang tidak tahu atau ambil kisah tentangnya, apatah lagi untuk mencubanya. Mungkin kerana tiada promosi di media seperti jenama produk terkenal atau produk housebrand ini ditempatkan di rak-rak yang tidak strategik. Atau mungkin kerana persepsi pengguna yang tak mahu dilihat 'low class' bila troli dipenuhi dengan produk housebrand?

Pengguna perlu lebih bijak bukan sahaja untuk berjimat dari segi harga tetapi tidak mahu kompromi dari segi kualiti standing dengan produk jenama terkena. Jenama bukan keutamaan sepatahnya.

Produk housebrand adalah barang jenama sendiri keluaran sesebuah pasar raya dan hanya dijual di pasar raya tersebut. Semua pasar raya besar memiliki produk housebrand sendiri meliputi barang makanan, barang penjagaan diri dan rumah.

Tesco (kini Lotus's), Aeon, Mydin, NSK, Econserve dan Giant turut mempunyai produk housebrand mereka sendiri. Ada pasar raya yang memasarkan produk housebrand masing-masing dengan nama pasar raya mereka seperti Tesco dan Mydin.

Kualiti adalah lebih penting berbanding apa pun nama atau label yang digunakan. Tetapi siapa yang menentukan kualitinya? Adalah dimaklumkan bahawa syarikat induk sesebuah pasar raya berperanan secara langsung dalam memilih sesuatu produk untuk dijadikan produk housebrand mereka.

Tesco dan Aeon mempunyai syarikat induk mereka iaitu Tesco UK dan Aeon Jepun yang turut sama menentukan standard sebelum sesuatu produk itu dijadikan produk housebrand mereka.

Diantara produk housebrand yang sepatutnya pengguna mencuba untuk pakai dan guna adalah kertas tisu, tisu dapur, pembersih lantai, antiseptik kumur, sabun cuci tangan dan banyak lagi.

Seperi kata pepatah Inggeris "Seeing is believing", tapi bagi produk housebrand, "Using is believing". Setelah dicuba dan diguna, baru kita yakin kualitinya standing dengan produk berjenama.

Sebagai contoh, antiseptik kumur. Jenama terkenal berharga RM22.90 untuk 750ml. Tetapi antiseptik kumur yang serupa bagi housebrand pasar raya adalah RM12.90. Ini bermakna pengguna dapat jimat RM10 atau 43%. Dari segi rasa, bau, dan keberkesanannya adalah sama dengan jenama ternama yang terkenal. Kekemasan botolnya juga serupa. Harga bagi air mineral 1.5L jenama terkenal ialah RM2.80 manakala air mineral housebrand dijual hanya pada harga RM1.06.

Penjimatan RM1.70 atau 160% untuk air mineral yang sama dari segi rasa dan kandungan mineralnya. Sumbernya pun sama.

Secara keseluruhannya pengguna boleh berjimat sehingga 40% jika memilih untuk membeli produk housebrand. Kini saya hanya berbelanja RM120 dengan produk housebrand berbanding RM200 untuk produk jenama terkena bagi barang keperlu-

**Persepsi pengguna perlu berubah dari membeli kerana jenama dan berdasarkan iklan yang menarik kepada produk berdasarkan kualiti, memenuhi keperluan dan dalam masa yang sama menawarkan penjimatan. Laksanakan hak kita sebagai pengguna dengan membuat pilihan terbaik. Jadilah pengguna bijak!**



housebrand berbanding RM200 untuk produk jenama terkenal bagi barang keperluan rumah yang sama.

Bagaimanapun perbandingan ini berbeza untuk produk makanan kerana ia bergantung kepada citarasa masing-masing. Kita cenderung untuk memilih produk mengikut citarasa kita dan ahli keluarga sebelum kita cuba dan beralih ke produk housebrand.

Pengguna secara relatifnya lebih cerewet apabila melibatkan pemilihan makanan. Faktor citarasa dan selera sangat signifikan. Jenama housebrand masih belum mampu



## SITUASI 1

EH,  
MAHALNYA!  
4 barang je  
RM99.46. Hmm



## SITUASI 2

Jumlah  
semuanya  
RM 60.45

EH MURAHNYA!  
Ini yang seronok  
beli produk  
housebrand  
boleh berjimat!

RECEIPT

Kedai Super  
Kedai Super  
Warisan

Item	Price	Amount
Pamper Baby Kemasan	36.00	36.00
Wipes Baby Kemasan	5.00	5.00
Paper Towel Kemasan	17.40	17.40
Tissues Wiper (Tisu Pagi) Kemasan	25.90	25.90

Total RM60.45

THANK YOU!



RECEIPT

Address:  
Date:  
Receipt No.:  
Customer Name:

Item	Price	Amount
Pamper Baby Kemasan	27.00	27.00
Wipes Baby Kemasan	11.00	11.00
Paper Towel Kemasan	8.40	8.40
Tissues Wiper (Tisu Pagi) Kemasan	12.00	12.00

Total RM60.45

THANK YOU!



menjadi daya tarik kepada pengguna kecuali sebahagian sahaja seperti roti dan bakeri meskipun harganya lebih murah.

Sebagai pengguna bijak dan bermaklumat, kita harus berani mencuba dan memilih berdasarkan kualiti dan harga. Pandemik Covid-19 telah mengajar kita untuk mengutamakan pembelian barang berdasarkan kualiti dan nilai, dan bukannya jenama.

Produk housebrand terbukti mempunyai kualiti setanding barang berjenama. Paling utama, ia ditawarkan pada harga yang sangat berpatutan dan menjimatkan dari produk berjenama dengan kualiti yang setanding. Pada masa yang sama, pembelian produk housebrand akan menyokong Kempen Beli Barang Malaysia yang telah dilancarkan sejak 1984.

Produk housebrand merupakan alternatif untuk mendapatkan produk berkualiti pada harga yang lebih murah (value for money) sekali gus mengurangkan perbelanjaan rumah. Pilihan ditangan kita tidak perlu lagi taksus kepada jenama atau kedai tertentu sahaja. Kita harus bersedia mencuba dan beralih ke jenama lain dan kedai lain jika harga sesuatu barang dijual pada harga yang tidak munasabah mengikut perkiraan dan dompet kita.

Gunakan hak kita untuk memilih yang terbaik dari segi harga dan kualiti barang bagi mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan pengeluar produk yang akhirnya akan menguntungkan pengguna.

Tinggalkanlah paradoks lama, "Alah Membeli Menang Memakai" dan "Biar Papa Asal Bergaya". Slogan pengguna bijak di abad digital seharusnya "Bijak Membeli, Menang Memakai".

## KAPASITI PENGGUNA

SEPTEMBER & OKTOBER 2021

9

PENGUATKUASA

## KPDNHEP RAMPAS 3,700 LITER MINYAK MASAK SUBSIDI

MARANG, OKTOBER 2021 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu berjaya merampas 3,700 liter minyak masak bersubsidi dan dua buah lori dengan nilai keseluruhan berjumlah RM80,400 dalam serbuan di sebuah premis perniagaan di sini pada Rabu.

Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia berkata, operasi dibuat selepas KPDNHEP mendapat berlaku aktiviti mencurigakan berkaitan kegiatan pemindahan minyak masak bersubsidi dari peket satu kilogram ke dalam botol industri 20 kilogram (kg) tanpa kebenaran daripada Pengawal Bekalan Malaysia.

Menurutnya, kegiatan menyalahi undang-undang tersebut berjaya dibongkar selepas pihaknya menjalankan risikan selama seminggu. "Melalui serbuan dilakukan empat pegawai penguat kuasa pada jam 11 pagi, kita dapat empat lelaki warga tempatan yang disyaki sebagai pekerja sedang leka mengangkat botol-botol minyak masak ke dalam muatan dua buah lori.

"Seorang lagi lelaki warga tempatan dipercayai sebagai penyelia yang turut berada di premis berkenaan gagal mengemukakan sebarang lesen untuk berurusan dengan barang kawalan berjadual," katanya kepada media di sini pada Rabu.

Saharuddin berkata, pemeriksaan lanjut yang dijalankan di dalam premis mendapat terdapat lebih daripada 100 tong minyak masak serta beberapa tong dram dijumpai.

Katanya, dianggarkan terdapat kira-kira 680 liter (34 botol) minyak masak berada dalam muatan lori, manakala lebih 3,020 liter (151 botol) minyak masak pula di dalam premis berkenaan.

"Siasatan awal mendapat minyak masak tersebut dibeli dengan harga RM2.48 seliter dan dijual kepada peniaga sekitar dengan harga RM2.80 seliter,"

Sehubungan itu, pihaknya menahan lima lelaki berusia antara 20 hingga 50 tahun bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dalam keadaan menimbulkan syak munasabah untuk melakukan kesalahan.

"Jika sabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda sebanyak RM1 juta atau penjara tidak lebih dari tiga tahun atau dua-duanya sekali, manakala hukuman ke atas syarikat adalah denda tidak melebihi RM2 juta," katanya.

## KPDNHEP RAMPAS LORI MUATAN GAS LPG

IPOH, SEPTEMBER 2021 - Penguatan kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri Perak berjaya merampas 43 tong gas LPG dalam serbuan di Tapah hari ini.

Serbuan pada pukul 6 pagi itu hasil maklumat awam dan pemantauan yang dilakukan sejak dua minggu lalu.

KPDNHEP negeri Perak dalam satu kenyataan memberitahu, pemeriksaan dilakukan pada sebuah lori bermuatan LPG yang diletakkan di kawasan parkir di satu kawasan perumahan awam di Tapah.

Menurut kenyataan itu, serbuan telah berjmpa dengan seorang lelaki berusia

## KPDNHEP RAMPAS 31,500KG MINYAK MASAK BERSUBSIDI

PETALING JAYA, OKTOBER 2021 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menahan lapan lelaki warga asing dan merampas 31,500kg minyak masak bersubsidi dalam serbuan di sebuah gudang di Bandar Bukit Beruntung, Selangor.

Serbuan dilakukan pada jam 11.30 pagi dan menahan lapan lelaki termasuk seorang warga Thailand manakala tujuh lagi adalah warga Myanmar yang berusia antara 18 hingga 45 tahun.

Pengarah Penguatankuasa KPDNHEP Azman Adam berkata, hasil pemeriksaan menemui minyak masak bersubsidi yang disimpan dalam 36 unit tangki fiber dengan nilai

Menurut kenyataan itu, pasukan serbuan telah berjaya dengan seorang lelaki berusia 36 tahun yang mengaku sebagai pemandu lori tersebut.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapat pemandu lori telah gagal mengemukakan lesen bermula runcit barang kawalan LPG atas pendaftaran syarikat yang dijalankan."

"Bekalan barang kawalan LPG di perolehi daripada pembekal dari luar negeri Perak," ujar kenyataan tersebut.

Pemandu lori telah diarahkan untuk membuat pengisytiharan stok di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Kata kenyataan itu lagi, seterusnya pasukan serbuan telah menyita 43 buah tong pelbagai jenama (berisi), 47 buah tong kosong dan sebuah lori jenis Hicom.

"Kesemua 90 tong LPG yang telah disita itu dianggarkan dengan nilai rampasan sebanyak RM 8,248.80

"Kes disiasat kerana disyaki melakukan kesalahan dibawah Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) pesalah boleh dikenakan penalti sekiranya disabitkan dengan kesalahan di bawah akta tersebut," kata kenyataan itu.

minyak masak bersubsidi yang disimpan dalam 30 unit tangki fiber dengan nilai keseluruhan RM87,300.

Tambahnya, siasatan juga mendapat minyak masak bersubsidi paket 1kg itu sudah dipindahkan ke dalam bekas industri bukan bersubsidi.

"Kami juga menemui peralatan yang digunakan untuk memindahkan minyak masak ke dalam tangki fiber dan semuanya telah disita untuk dijadikan barang kes," katanya seperti dilaporkan Utusan Malaysia.

Beliau turut mendedahkan, sindiket berkenaan telah beroperasi hampir dua bulan dengan mendapatkan bekalan minyak masak bersubsidi daripada beberapa pemborong berlesen di sekitar Lembah Klang.

"Minyak masak bersubsidi kemudian dilerakan dan dikumpulkan dalam tangki fiber berkapasiti 1,000 liter untuk dipasarkan dengan harga bukan subsidi."

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan minyak masak dalam keadaan menimbulkan syak munasabah. Suspek juga didapati melanggar Peraturan 3 (1) Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974, iaitu memiliki barang kawalan minyak masak yang melibatkan urusan secara borong atau runcit tanpa lesen sah."

## KPDNHEP PERAK SITA 26,421KG TEPUNG GANDUM

IPOH, OKTOBER 2021 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak menyita tepung gandum bernilai RM53,476.49 selepas didapati disimpan tanpa permit yang sah di sebuah premis di Menglembu, di sini pada Rabu.

Pengaruhnya, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, hasil pemeriksaan yang dijalankan telah menemui sebanyak 26,421 kilogram (kg) tepung gandum pelbagai jenama yang disimpan di premis berkenaan.

"Operasi membanteras penyelewengan barang kawalan berjadual yang dilaksanakan selama 14 jam bermula jam 4 petang itu berjaya menghasilkan satu kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Kesemua tepung gandum yang ditemui di tempat kejadian telah disita untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.

Menurutnya, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 yang jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Saifullizan berkata, pihaknya mengingatkan peniaga yang terlibat dengan perniagaan barang kawalan untuk sentiasa mematuhi setiap undang-undang yang dikuatkuasakan.

"Jika terdapat isu-isu berkaitan penyelewengan barang kawalan di mana-mana kawasan, orang ramai diminta untuk melaporkan kepada pihak KPDNHEP Perak untuk tindakan susulan," katanya.



PENGUNA

SEPTEMBER & OKTOBER 2021

10

K · A · P · S · U · L  
**PENGUNA**

## KPDNHEP TERIMA LEBIH 9,000 ADUAN

KUALA LUMPUR, OKTOBER 2021 - Sebanyak 9,323 aduan membabitkan pelbagai kesalahan transaksi secara dalam talian diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sejak Januari hingga September tahun ini.

Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, sebanyak 8,878 daripada aduan itu diselesaikan sementara 445 lagi masih dalam siasatan. Kes tidak menerima barang atau soalan tambahan Datuk Robert Lawson Chuat (GBS-Bentong) berhubung tindakan KPDNHEP ke atas perkhidmatan yang ditawarkan mencatatkan aduan (GBS-Bentong) berhubung tindakan KPDNHEP ke atas

tertinggi iaitu 5,700 kes diikuti barang atau perkhidmatan yang diterima tidak seperti ditawarkan (1,631kes) dan harga barang atau perkhidmatan mengelirukan (315 kes).

Sebanyak 142 aduan lagi membabitkan barang tiruan dalam talian, 30 aduan cetak rompak dalam talian, 16 aduan skim piramid dalam talian dan lain-lain kes sebanyak 1,489 aduan. KPDNHEP memandang serius semua aduan transaksi atas talian yang dilaporkan dan akan diteliti bagi mengenalpasti sama ada berlaku kesalahan di bawah bidang kuasa yang dinyatakan.

Pihak kementerian akan mengambil tindakan yang tegas terhadap peniaga atas talian yang melanggar perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan.

YB Menteri KPDNHEP berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Robert Lawson Chuat

aduan transaksi atas talian.

Dalam pada itu, beliau berkata, KPDNHEP bersedia meminda undang-undang bagi membangunkan peruncitan secara dalam talian.

"Kita sentiasa melihat ruang dan peluang yang ada untuk penambahbaikan. Akta-akta yang ada mungkin sudah tidak cukup untuk membangunkan sektor transaksi dalam talian," katanya menjawab soalan tambahan Cha Kee Chin (PH-Rasah) mengenai cadangan untuk pengubahan undang-undang baharu atau membuat pindaan kepada akta sedia.

Dalam pada itu beliau memberitahu Dewan Rakyat, berdasarkan rekod Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sebanyak 297,894 perniagaan dalam talian yang aktif direkodkan sehingga 31 Ogos 2021 merupakan entiti yang daftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

# LAPORAN ADUAN SEPTEMBER 2021

JUMLAH ADUAN MENGIKUT BULAN

10 KATEGORI ADUAN TERTINGGI (SEPT)

PERATUS PENYELESAIAN ADUAN

JUMLAH ADUAN 21,531 ADUAN

PERKHIDMATAN MONITORING

Transaksi Dalam Talian  
Perkhidmatan Monitoran

22.7% (5,321)

40.6% (950)

Loar Bidang Kusus  
KPDNHEP, SEAS




# RUANGAN UNTUK HEBAHAN

Agensi dan Bahagian-Bahagian yang ingin membuat iklan di ruang ini sila hubungi:

Nurazila Mohd Taib

0388825572 / [nurazila@kpdnhep.gov.my](mailto:nurazila@kpdnhep.gov.my)



2021@ YT, AT, AZ